

# BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Tiada berapa hari kemudian daripada “Qalam” keluaran bulan Mac telah disiarkan datanglah seorang pemuda yang namanya ia minta lindungkan, berkata yang ianya sangat puas hati dengan apa yang saya terangkan satu persatu pengertian perkataan baharu “pemuda” dan “pemudi” itu, akan tetapi ia dengan ikhlas menyatakan tidak senang hati tentang perusahaan saya memberi keterangan-keterangan yang sebegitu cukup tiada orang hendak endahkan. Tidakkah saya ketahui bahawa perkataan-perkataan itu rekaan orang-orang Indonesia yang bijaksana, kerana hendak meringkaskan sebutan dan tulisan, serta sekarang telah banyak diturut oleh orang-orang Melayu di Semenanjung ini dan bila sudah banyak digunakan orang tentulah semuanya orang faham?.

Pada menjawab kata orang muda itu saya terangkan lagi yang saya tidak sekali-kali membodohkan sekalian saudara-saudara kita Melayu di Indonesia itu, akan tetapi hendaklah kita sekalian ingat, bahawasanya saudara-saudara kita di Indonesia itu sama manusia juga seperti kita di Malaya ini, ada yang bijak dan ada yang bodoh atau khilaf. Tidakkah tiap-tiap seorang itu pandai sahajalah kerana ia diperanakan di Indonesia – walau di negeri Mekah atau Mesir sekalipun! Mana-mana yang telah nyata khilaf atau salah itu mengapa kita mesti turut juga, seolah-olah kita menyokong dan menggalakkannya pula? Adakah ini jalan membaiki dan meninggikan mutu bahasa kita Melayu, dengan tujuan hendak ringkas walaupun salah tidak mengapa?

Adapun orang-orang Minangkabau (Minang Kerbau) di Pulau Sumatera itu pun orang-orang Indonesia juga, tetapi mengapa kita di Malaya ini tidak hendak mengikut perkataan-perkataan ringkas mereka itu seperti – kabau (kerbau) – kama (ke mana) – sia (siapa) – bera (berapa) dan

banyak yang lain-lain lagi itu? Pada halnya orang-orang Minangkabau ada ramai serata semenanjung kita ini, terutamanya sekali di Negeri Sembilan.!

Terlanjur telah direkai ramai dan disukai ramai perkataan-perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu, mengapa tidak orang-orang tua lelaki dikatakan “petua” dan yang perempuannya “petui” dan budak lelaki disebut “budak” sahajalah tatkala yang perempuannya dikatakan “budi” atau “budaki” penulis lelaki dikatakan “penulis” dan yang perempuan “penulisi” mengikut tauladan “saudara” dan “saudari”? bahawa tentang “saudara” dan “saudari” itu tidak saya salahkan kerana yang demikian menurut cara nahu bahasa Sanskrit seperti “putera” dan “puteri” dan tidak pula itu mengubahkan erti atau fahamnya.

Kemudian daripada itu Tuan Abu Sabri pula telah menulis dengan panjang lebar di halaman “Pengasuh” bilangan 236 keluar bulan Syaaban, menegur saya berkenaan dengan perkataan-perkataan rekaan baharu iaitu “pemuda” dan “pemudi” yang telah dahulu saya beri keterangan dan fahamannya satu persatu di dalam majalah “Qalam” keluaran bulan Mac 1952 itu. Walaupun Tuan Abu Sabri tidak menyebut nama saya atau nama majalah “Qalam” itu akan tetapi dengan akal fikiran yang telah dikurniakan oleh Tuhan di atas saya maka ketahuilah saya bahawa maqolahnya itu menuju saya dengan membedil menggunakan “peluru petunang” Alhamdulillah.!

Tuan Abu Sabri mengaku di dalam makalahnya itu, bahawa mula-mula ia menyebelah pihak orang-orang Melayu yang tiada berkenaannya dengan perkataan-perkataan “pemuda” dan “pemudi” itu tetapi sekarang ia telah beralih tadah menyokong pereka-pereka perkataan-perkataan baharu ini. Ada pun sebab ia beralih tadah itu ialah kerana ia telah ditipu angin “putaran zaman ini” dengan katanya “adalah zaman mengubahi serba serbinya” kecuali Quran ia (yakni zaman) tidak kuasa

mengubahnya, atau tidak dapat diubahkannya, sebab Tuhan sendiri telah mengaku memeliharanya – (Al-Quran itu)

Di sini nampaklah Tuan Abu Sabri itu kurang cermat perhatiannya, kerana walaupun tiada siapa berkuasa mengubah barang sepele pun perkataan di dalam Quran itu, tidakkah terperhati oleh Tuan Abu Sabri, bahawasanya banyak daripada umat-umat Islam sendiri, lelaki dan perempuan telah mengubah perintah dan tegahan Allah yang terkandung di dalam Quran itu dengan berbagai-bagai cara, gaya, kelakuan dan amalan-amalan yang salah kerana menurut putaran perubahan zaman sekarang yang berubah-ubah – yang disuruh Allah itu tidak dibuat, maka mana yang ditegah Tuhan itulah pula yang dibuatnya dengan bergembira yang bersangatan.

Sekarang berbaliklah saya kepada masalah “pemuda” dan “pemudi” tadi itu Tuan Abu Sabri di dalam makalahnya itu mengatakan, bahawa dua perkataan-perkataan itu ialah rekaan baharu “yang bersendirian” ada pun huruf “a” pada perkataan “pemuda” itu menunjukkan lelaki muda, dan “a” itu diganti dengan “i” maka menjadilah ia “pemudi” yang menunjukkan perempuan muda supaya membezakan antara yang lelaki daripada yang perempuannya menurut perkataan Sanskrit “dewa” dan “dewi” maka oleh yang demikian, bahawa huruf “p” itu bukanlah huruf penambah pada “pemuda” dan “pemudi” – ini kata atau buah fikiran Tuan Abu Sabri sahaja hendak mendirikan benang basah, barangkali tuan-tuan pereka perkataan-perkataan yang tersebut berlainan haluan dan fahaman masing-masing pula!

Pada fahaman saya ada pun perkataan “muda” sememang perkataan Melayu yang bererti seseorang atau sebiji buah atau sebarang sesuatu yang belum tua maka manakala di tambah huruf “p” tak dapat tiada menjadilah dia “pemuda” dan “pemudi” yakni yang menjadikan yang tua kepada muda. Tidakkah yang demikian ini menarikkan perselisihan pengertian dan fahaman di sisi orang-orang Melayu yang berakal fikiran siaman? Terkecuali jika tuan-tuan pereka bahasa itu datangkan sepele dua

perkataan-perkataan rekaan khas yang berlainan sebutannya daripada perkataan-perkataan Melayu yang sememang sedia ada dan di faham oleh umum bangsa Melayu. Mengapakah tidak direka perkataan-perkataan baharu, misalnya “purana” bagi lelaki dan “purani” bagi perempuan atau lain-lain lagi yang di fikirkan patut?

Tuan Abu Sabri kata pula : “kalau mengikut kitab-kitab tarikh Melayu asli itu, padi, besi, dan babi sahaja.” Aduhai! Miskinnya bahasa kita Melayu, hanya tiga perkataan sahaja yang diketahui oleh umat-umat Melayu dahulu iaitu padi, besi dan babi. Rasa saya Tuan Abu Sabri ialah seorang ahli tarikh dan faham bahasa Sanskrit, akan tetapi belum cukup dalam salamannya di lawatan bahasa Melayu dan Sanskrit dan ia tidak tau ada banyak perkataan-perkataan yang berhikmah dan berahsia di sisi perkataan-perkataan Melayu yang disebut dengan bunyi huruf “t” dan “i” pada pangkalnya iaitu tentang “t” ialah tangan – tongkat tarik – tolak – tangkap – tahan – tadah dan lain-lain lagi. Tentang “i” pula iaitu, lambai – lalu lalang – lari – layu – lipat – lampu dan banyak yang lain-lain lagi tetapi dua huruf inilah yang banyak rahsiannya. Ada pun tentang huruf penambah sebagaimana yang kita sekalian anak Melayu tau dan gunakan ialah : ber – d ter- m – n – k – p dan lain-lain lagi, yang manakala di tambah atau di ganti dengan huruf tersebut maka berolehlah fahaman atau tujuan perkataan-perkataan yang kena tambah itu.

Berkenaan dengan perkataan Sanskrit itu nampaknya terbesar sangat pengetahuan Abu Sabri itu, kerana dua kali dan pada dua tempat berturut-turut di dalam makalahnya itu ia menggunakan perkataan Arab dan Sanskrit bercampur aduk iaitu “zaman purba kala” ada pun zaman itu dari bahasa Arab yang bererti “masa” dan “purba kala” itu daripada bahasa Sanskrit yang bererti dahulu lama atau atau dan “kala” itu ertinya masa (atau zaman) oleh itu bolehlah diertikan bahasa campur aduk Tuan Abu Sabri.

(sambungan pada muka 34)

dan sebagainya lagi maka mereka itu akan mengecap orang-orang yang mempertahankan itu dengan perkataan “taksab agama” sehingga Ikwanul Muslimin disebut fanatik dan lain-lain lagi – Pakistan yang membawa cita-cita merapatkan lagi persaudaraan umat Islam disebut fanatik (taksab) dan begitulah seterusnya mereka yang berusaha dari satu ke suatu masa mengikut jalan Allah dan Rasul-Nya, yang bekerja kerana menegakkan pengajaran-pengajaran Al-Quran dan Al-Hadith yang telah cuba diruntuhkan oleh dunia Barat kerana mereka takut bahawa pada satu masa orang-orang mereka akan tunduk kepada jalan Allah dan Rasul-Nya. Tuduhan-tuduhan itu bukannya sahaja datang daripada mereka tetapi juga orang-orang yang menyebut dirinya Islam tetapi yang sebenarnya mereka itu sebenarnya orang yang berfahaman Malhad yang patut mereka itu mengistiharkan dari sekarang mereka itulah musuh-musuh Islam yang sangat berbahaya.

Sesudah mereka mendaratkan tuduhan-tuduhan itu ada pula mereka yang pernah bertanya apakah yang dibuat Islam di Semenanjung Tanah Melayu selama hampir-hampir 500 tahun kepada orang-orang Melayu? Apakah kena mengena tulisan jawi dan rumi kepada agama? Dan berbagai-bagai lagi pertanyaan seterusnya tetapi dalam pertanyaan-pertanyaan ini mereka lupa bahawa dengan Islamlah mereka itu telah hidup bertamadun dengan luas, dengan Islamlah mereka itu tahu apa ertinya pengorbanan; dan dengan huruf itulah mereka itu mengenal kebudayaannya yang ditunjukkan oleh Allah – tidak mengikut kebudayaan-kebudayaan sastera-sastera Hindu yang diagung-agungkan dan dibesar-besarkan oleh kaum mulhid yang cuba mengabui mata umat-umat Islam pada masa yang akan datang. Adakah orang-orang Islam akan redha menukar kebudayaan Islam itu kepada kebudayaan Hindu? Adakah orang-orang Islam itu akan suka menukarkan kebaktiannya kepada Allah Aubhanahu wa Taala kepada maha dewi Visnu dan Siva? – *nauzubillahi min zalik!*

Begitukah cara yang dikejar dan dituntut oleh orang-orang kita? Apakah kita mesti berdiam diri melihat kepada

perbuatan-perbuatan mereka kaum Malhad yang cuba menanamkan perasaan meracun anak-anak kita kepada jalan yang tidak di redhai oleh Allah? Ingatlah! Inilah dia ertinya kebangsaan jahiliah yang telah ditiru oleh orang-orang kita kepada faham-faham yang dibawa oleh Barat yang diharamkan oleh agama.

(bersambung)

---

(sambungan dari muka 9)

Itu: “masa dahulu masa” atau “zaman dahulu zaman”

Di dalam makalahnya itu Tuan Abu Sabri berkata:-

“Ada pun sekarang ini nampaknya bahasa Melayu ini di iBaratkan seperti air nira yang sedang gila. Maka air yang sedang gila (tuak) tetaplah kita tidak boleh mempergunakannya, tetapi sungguh pun begitu janganlah sekali-kali dicuamkan kerana suatu masa kelak ia akan berhenti daripada gilanya menjadi cuka, pada masa itu tentulah berfaedah besar kepada kita”. Benar juga katanya itu bahawa cuka itu berfaedah besar kepada kita, akan tetapi cuka itu hendaklah kita tahu bagaimana, di mana, dan ketika mana hendak menggunakannya, kerana jika tidak tentu menggunakannya nescaya ia merugikan kita sahaja, seperti jikalau dimasukkan cuka ke dalam susu lembu atau kerbau atau kambing tak dapat tiada rosaklah susu itu, terkecuali dengan sukatanya yang ditentukan pula, dimasukkan cuka itu ke dalam susu pohon getah maka susu pohon getah itu menjadi beku, kerana cuka sememang ada mengandungi asam yang dikatakan dalam bahasa Inggeris *Acid* (asid) maka begitulah juga menggunakan perkataan-perkataan pelik yang direka-reka sahaja dengan tidak diperiksa betul-betul nescaya rosaklah bahasa kita, bukanlah hendak membaiki dan menaiki mutunya!

Terlintas pula di hati saya, agaknya tatkala (pada masa)

Tuan Abu Sabri menulis makalahnya yang tersebut itu, air niranya “sedang gila”!